

23/07/2002

PM mungkin kekal jawatan Menteri Kewangan

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan kemungkinan terus menjadi Menteri Kewangan sehingga beliau melepaskan semua jawatan dalam kerajaan dan parti menjelang Oktober tahun depan.

Katanya, beliau bersyukur kerana jika tidak didesak supaya meneruskan tugasnya sebagai Perdana Menteri baru-baru ini, beliau mungkin tidak dapat melihat pejabat baru Menteri Kewangan di Putrajaya apabila Perbendaharaan berpindah dari sini mulai bulan depan.

"Tetapi alhamdulillah, selewat-lewatnya lebih kurang setahun saya berada di sana sehingga bulan Oktober (2003), bolehlah juga rasa pejabat baru itu seperti juga tuan-tuan dan puan-puan," katanya berucap pada perhimpunan bulanan Perbendaharaan di Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta di sini.

Ia adalah perhimpunan terakhir kakitangan Perbendaharaan di kompleks itu sebelum berpindah ke Putrajaya mulai 1 Ogos ini. Sejumlah 1,400 kakitangan Perbendaharaan, kecuali Bahagian Pinjaman Perumahan, akan berpindah ke Precinct 2, Putrajaya.

Dr Mahathir berkata, tempat kerja yang baru bagi kakitangan Kementerian Kewangan di Putrajaya itu nanti lebih selesa.

"Saya harap di situ kita akan dapat bekerja dengan hati yang tenang dalam persekitaran begitu indah dan selesa. Hasil kerja kita juga sudah tentu akan meningkat, insya-Allah," katanya.

Pada akhir ucapan ringkasnya di perhimpunan itu, Perdana Menteri yang tiba tepat jam 8.05 pagi, kelihatan hampir sebak.

Beliau berharap perpindahan itu kekal bagi satu jangka waktu panjang dan bangunan baru itu dapat menampung kegunaan untuk tempoh 100 tahun.

Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan kementerian yang telah menjalankan tugas dengan baik dan cekap.

"Hasil kerja keras itu, kedudukan kewangan kerajaan `begitu sihat' dan tidak ditekan oleh mana-mana pemberi pinjaman.

"Saya harap kita dapat meneruskan usaha mentadbir kewangan dan pengurusan belanjawan yang baik ini walaupun negara akan mempunyai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan yang baru," katanya.

Selepas majlis itu, Dr Mahathir yang ditemani dua Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh dan Datuk Chan Kong Choy; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Samsudin Hitam dan Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Hashim Ismail naik ke pejabatnya di tingkat 15 Bangunan Khazanah itu.

Ketika keluar dan beredar dari situ, ramai kakitangan Perbendaharaan menunggunya untuk bergambar secara berkumpulan di sekitar laman di situ.

Di Bangkok awal bulan ini, Dr Mahathir ada membayangkan kemungkinan melantik seorang Menteri Kewangan baru bagi mengambil alih tugasnya di Perbendaharaan dalam tempoh peralihan kuasa sekarang.

Dr Mahathir menyandang jawatan Menteri Kewangan selepas Tun Daim Zainuddin meletak jawatan pada 1 Jun tahun lalu. Beliau pernah menyandang jawatan Menteri Kewangan selama kira-kira empat bulan apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada kerajaan dan parti pada September 1998, sebelum jawatan itu diserahkan kepada Daim pada Januari 1999.